

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 02 JUN 2016

Media, PBT saling melengkapi ^{2/6/16 set}

SHAH ALAM – Media dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak boleh dipisahkan dan saling memerlukan antara satu sama lain.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, media dan PBT harus berganding bahu dalam menyampaikan mengenai program yang dianjurkan PBT kepada masyarakat.

“Media dan PBT ibarat lagu dan irama. Kedua-dua entiti ini memang saling memerlukan antara satu sama lain.

“Media sentiasa memberikan laporan yang seimbang dan sentiasa menegur serta memaklumkan kelemahan PBT.

“Ada juga perkara baik yang kita lakukan terhadap masyarakat telah digambarkan oleh media terutamanya di sekitar Shah Alam,” katanya ketika lawatan rasmi ke Kumpulan Media Karang kraf Sdn Bhd (Karang kraf), di sini, semalam.

Justeru, beliau berkata, peranan media dan PBT perlu diperkasakan dari semasa

ke semasa supaya hubungan yang baik dapat diwujudkan.

Sementara itu, Zaharin bersama 20 kakitangan MBSA yang terdiri daripada Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Pengurus Cawangan meluangkan masa selama dua jam melawat Karang kraf.

Lawatan bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara MBSA dengan media termasuk akhbar *Sinar Harian*, sekaligus meningkatkan imej PBT berkenaan di mata masyarakat.



Pengarah Urusan Karang kraf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob menerangkan al-Quran yang diterbitkan Karang kraf kepada Zaharin.